

## Sistem Modaliti dalam Cerpen Bahasa Banjar: Satu Analisis Nahu Fungsional

### *The Modality System in Banjarese Short Stories: A Functional Grammar Analysis*

MUHAMMAD FARRIS IMADI FUZE\*, SHARIFAH RAIHAN SYED JAAFAR,  
KARTINI ABD. WAHAB & MOHAMMAD FADZELI JAAFAR

#### ABSTRAK

Masyarakat Banjar kaya dengan kepelbagaian karya sasteranya dan banyak kajian telahpun dilakukan terhadap karya-karya sastera ini. Walau bagaimanapun, aspek modaliti bahasa ini dilihat masih lagi kurang diberi tumpuan oleh para sarjana terdahulu. Justeru, kajian ini bakal membincangkan sistem modaliti yang terdapat dalam penulisan cerpen bahasa Banjar dengan mengguna pakai pendekatan Nahu Fungsional yang diperkenalkan oleh Halliday (1985). Tiga aspek modaliti yang diteliti termasuklah jenis modaliti, darjah kebenaran serta polariti. Kaedah korpus linguistik digunakan dalam kajian ini dan satu korpus yang mengandungi koleksi cerpen bahasa Banjar telah dijadikan sebagai bahan kajian. Kajian mendapati bahawa terdapat empat jenis modaliti yang telah digunakan dalam cerpen ini iaitu kemungkinan, kelaziman, kemestian dan keinginan. Setiap jenis modaliti ditandai oleh ekspresi modal yang berbeza dan dapat diukur dari aspek darjah kebenaran serta polaritinya. Modalisasi jenis kemungkinan dan modulasi jenis keinginan merupakan yang paling kerap digunakan oleh penulis manakala modalisasi jenis kelaziman dan modulasi jenis kemestian pula paling kurang digunakan dalam cerpen. Penggunaan sistem modaliti dalam cerpen ini juga turut membawa beberapa kesan seperti membantu dalam penyampaian atitud watak dan pendirian pengarang terhadap sesuatu peristiwa, mencerminkan gaya dan teknik unik penulis, serta meningkatkan lagi keinginan serta motivasi pembaca untuk meneruskan pembacaan sesuatu wacana itu. Hasil kajian ini diharap dapat mengembangkan lagi ilmu-ilmu berkaitan sistem modaliti khususnya dalam bahasa Banjar di samping memperkenalkan juga karya-karya sastera Banjar kepada khalayak umum.

*Kata kunci:* cerpen bahasa Banjar; modaliti; ekspresi modal; darjah kebenaran; polariti

#### ABSTRACT

The Banjarese community is rich in diverse literary works, and studies have already been conducted on these kinds of writing. However, the aspect of linguistic modality appears to have received less attention from previous scholars. Therefore, this study aims to discuss the modality system present in Banjarese short stories using the Functional Grammar approach introduced by Halliday (1985). The study examines three aspects of modality: types of modality, degrees of truth, and polarity. A linguistic corpus method is employed, with a corpus containing a collection of Banjarese short stories used as the research material. The study finds that four types of modality were presented in these short stories: probability, usuality, obligation and inclination. Each type of modality is marked by different modal expressions and can be measured in terms of degree of truth and polarity. Probability (modalisation) and inclination (modulation) are the most frequently used by the authors, while usuality (modalisation) and obligation (modulation) are the least used in the short stories. The implementation of the modality system in this short story also brings several effects, such as assisting in the delivery of the characters' attitudes and the author's stance on certain events, reflecting the author's unique style and techniques, as well as further enhancing the readers' desire and motivation to continue reading the discourse. This study is expected to further develop knowledge related to the modality system, particularly in the Banjarese, as well as introducing Banjarese literatures to the general public.

*Keywords:* Banjarese short stories; modality; modal expressions; degree of truth; polarity

## PENGENALAN

Bahasa Banjar (selanjutnya dikenali sebagai BB) merupakan bahasa yang dituturkan oleh penduduk asli sebahagian wilayah Kalimantan Selatan (Daud, 1997; Sahriansyah, 2015; Ningsih, 2018:957). Walaupun masyarakat Banjar ini pada asalnya menetap di Kalimantan Selatan, namun masyarakat ini juga dapat ditemui di beberapa kawasan yang lain sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh faktor penghijrahan masyarakat Banjar ke beberapa kawasan suatu ketika dahulu. Menurut Wahyudin (2014), orang Banjar zaman dahulu dikenali sebagai orang yang suka merantau atau disebut sebagai “madam”. “Madam” atau merantau merupakan budaya masyarakat yang tinggal di pingiran sungai atau laut (Safitri, 2021). Memandangkan masyarakat kawasan petempatan masyarakat ini berada di pinggiran sungai, maka sifat suka merantau ini telah sebatian dengan jiwa mereka.

Sebagai salah satu bahasa yang masih lagi aktif dipertuturkan pada masa ini, masyarakat Banjar telah banyak melahirkan karya-karya penulisan mereka. Salah satu karya kesusasteraan Banjar yang dapat ditemui ialah cerpen yang dinamakan sebagai *Si Palui*. *Si Palui* merupakan salah satu karya sastera dalam BB yang cukup popular. Cerpen-cerpen pendek berkaitan dengan satu watak yang diberi nama sebagai *Si Palui* ini diterbitkan setiap hari melalui laman sesawang Banjarmasin Post. Mujiburrahman (2022) mengatakan bahawa tokoh *Si Palui* ini merupakan satu tokoh rekaan yang agak mirip dengan watak ‘Kabayan’ dalam budaya Sunda. Dalam setiap cerita, *Si Palui* memiliki identitinya tersendiri, yang kadang kalanya berbeza dengan identitinya dalam cerita yang lain (Mujiburrahman, 2022). Dalam satu cerita dia digambarkan sebagai orang miskin, sementara dalam cerita lainnya dia digambarkan sebagai orang berduit. Namun, pada umumnya, *Si Palui* ditampilkan sebagai orang Banjar kebanyakan, orang awam, kurang berpendidikan dan miskin (ibid.). Penulis awal dan pencipta cerita *Si Palui* ini merupakan seorang cendekiawan bernama Yustan Azidin (1933-1995), yang juga perintis kepada kewujudan Banjarmasin Post pada tahun 1971.

Sebagai salah satu karya yang popular dalam kalangan masyarakat Banjar, cerpen *Si Palui* ini juga mengandungi pelbagai unsur-unsur linguistik yang wajar untuk dikaji. Justeru, kajian ini merupakan satu analisis wacana berfokus kepada aspek modaliti yang terdapat dalam cerpen ini. Bagi membahaskan berkenaan aspek ini, satu teori yang diketengahkan oleh Halliday (1994) dinamakan sebagai nahu fungsional (*functional grammar*) telah diterapkan dalam analisis kajian ini. Nahu fungsional merupakan satu teori yang meneliti bahasa berdasarkan penggunaannya. Teori ini berfokus pada fungsi bahasa sebagai alat untuk berinteraksi dengan orang lain dan mewujudkan hubungan sosial dalam masyarakat.

## KAJIAN LITERATUR

Kepelbagaian karya kesusasteraan Banjar telah menarik minat para sarjana untuk mengkaji keunikannya dalam pelbagai aspek. Sastera-sastera Banjar banyak menerapkan unsur-unsur kebudayaan masyarakat ini dan hal ini telahpun dibuktikan oleh beberapa orang sarjana terdahulu. Misalnya, M. Rafiek (2012) telah mengkaji aspek kearifan lokal (*local genius*), iaitu pemaparan identiti budaya melalui satu novel yang dinamakan sebagai *Hikayat Raja Banjar*. Masyarakat Banjar turut terkenal dengan penggunaan jampi untuk pelbagai perkara seperti memudahkan kelahiran, menjadikan tubuh kebal, atau membuatkan bayi berhenti menangis. Jampi juga merupakan salah satu kesusasteraan lisan masyarakat ini. Mahmud (2017) mendapati bahawa

terdapatnya unsur kebudayaan yang disertakan bersama jampi terutama sekali melibatkan keagamaan. Dalam jampi-jampi Banjar, terdapat pengaruh unsur agama Kaharingan, Melayu dan Jawa Buddha, serta Islam. Rustam Effendi (2019) melalui pemerhatiannya terhadap pantun-pantun tradisional Banjar, mendapati bahawa terdapatnya unsur-unsur ketenangan yang diterapkan seperti angin bertiupan, sungai jernih dan dalam, nilai kekeluargaan, pohon rendang, aktiviti kemasyarakatan, serta kemakmuran dan kebahagiaan hidup.

Karya-karya kesusasteraan Banjar ini juga turut dijadikan sebagai bahan kajian dalam bidang linguistik. Dalam mengkaji berkenaan penggandaan bahasa Banjar, Juwairiah (2018) telah menjadikan sebuah siri cerpen berjudul *Kumpulan Kisdap Banjar Malam Kumpai Batu* sebagai sumber kajian utama beliau. Sudarmo (2016) pula telah meneliti karya penulisan ini bagi membincangkan fonem-fonem bahasa Banjar. Karya penulisan Banjar ini turut digunakan oleh Akhmad Humaidi, Kamariah dan Haswinda Harpriyanti (2017) dalam mengkaji proses pengimbuhan dalam bahasa Banjar. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu hanya memperlihatkan karya sastera Banjar ini sebagai satu sumber data sahaja untuk mengkaji fenomena linguistik yang lainnya. Tumpuan kurang diberikan terhadap aspek analisis wacana yang ada pada karya-karya ini. Analisis wacana merujuk satu kaedah penganalisan ujaran mahupun penulisan yang juga merupakan sebahagian daripada linguistik deskriptif dan melangkaui batasan ayat-ayat mudah pada satu-satu masa (Harris, 1952). Dalam erti kata mudahnya, analisis wacana memperlihatkan bagaimana sesuatu bahasa itu digunakan (Brown dan Yule, 1983; Cook, 1989). Justeru, kajian ini bakal memperlihatkan cara bahasa digunakan dalam karya bahasa Banjar. Tumpuan utama kajian ini adalah pada sistem modaliti yang terdapat dalam cerpen *Si Palui*.

Sistem modaliti dikatakan telah mula diberi tumpuan sejak dua ribu tahun yang lalu, iaitu ketika zaman Aristotle lagi (Perkins, 1983). Aristotle telah membahaskan kesalinghubungan antara kemestian dengan kemungkinan. Semenjak itu, ramai ahli sarjana yang telah menumpukan kajian mereka terhadap sistem modaliti ini. Sehingga kini, aspek modaliti masih lagi menjadi tumpuan para sarjana dalam mengembangkan lagi ilmu berkaitannya. Dalam bahasa Inggeris misalnya, satu kajian berkaitan aspek modaliti bahasa ini telah dilakukan oleh Zhai dan Liu (2018). Sarjana-sarjana ini memberikan tumpuan terhadap jenis-jenis modaliti, darjah kebenaran serta orientasinya. Bahan wacana yang dikaji merupakan artikel akhbar yang berkait dengan topik *Larangan Kemasukan Muslim oleh Donald Trump*. Kajian mendapati bahawa para penulis lebih gemar menggunakan adjung modal finit seperti *will* (modulasi kemestian). Dari sudut darjah kebenaran modaliti, didapati bahawa ekspresi modal dalam darjah median paling banyak digunakan. Walaupun dalam bahasa yang sama, sistem modaliti juga berbeza mengikut jenis wacana serta penulisannya. Misalnya, Shi dan Li (2020) telah menjadikan slogan pengiklanan bahasa Inggeris sebagai wacana kajian mereka. Berbeza dengan Zhai dan Liu (2018), hasil kajian mereka mendapati bahawa modaliti jenis modalisasi dengan darjah median atau rendah merupakan yang paling banyak digunakan dalam wacana pengiklanan. Dian Ardiansah (2015) berpendapat bahawa aspek modaliti ini mencerminkan makna interpersonal penulis dengan menggunakan nilai bahasa yang berbeza.

Penelitian aspek modaliti dalam bahasa Melayu juga turut dilakukan oleh beberapa orang sarjana. Muhammad Hisyam dan Ab. Razak (2019) misalnya telah mengkaji aspek modaliti dalam surat dan warkah-warkah Melayu. Pemerhatian mereka mendapati bahawa pengirim warkah banyak mengguna pakai *hendak*, *boleh* dan *patut* bagi modaliti perintah, manakala *hendak*, *mahu*, *boleh* dan *dapat* bagi modaliti informasi. Selain karya sastera, teks politik juga sering kali menjadi tumpuan para sarjana dalam mengkaji berkenaan sistem modaliti. Dayang Sariah, Kesumawati dan Norsimah (2020) dalam kajian mereka terhadap wacana pembahasan parlimen mendapati bahawa

modaliti informatif dan modaliti perintah banyak dimanfaatkan dalam wacana sebegini. Idris Aman (2006) dalam kajiannya terhadap perutusan tahun baharu Mahathir Mohamad (Perdana Menteri Malaysia ke-4) mendapati bahawa terdapat tujuh modaliti perintah kerap digunakan iaitu, *mesti*, *harus*, *perlu*, *boleh*, *hendak*, dan *patut* berbanding modaliti informatif seperti *perlu*, *boleh*, dan  *mungkin*. Selain Mahathir Mohamad, skrip ucapan Mohd Najib Razak (Perdana Menteri Malaysia ke-6) semasa Perhimpunan Agung UMNO juga turut menjadi tumpuan. Menurut Rohaidah Haron (2016), terdapat lima jenis kata modaliti yang dominan iaitu, modaliti keperluan (*perlu*), kemestian (*mesti* dan *harus*), dan kehendak (*hendak* dan *mahu*).

Kajian berkaitan karya sastera bahasa Banjar dan sistem modaliti sememangnya telah banyak dilakukan oleh sarjana terdahulu. Penelitian terhadap karya sastera Banjar telah membawa kepada beberapa penemuan seperti bagaimana sesuatu karya itu memaparkan unsur-unsur kebudayaan Banjar di dalamnya. Pada masa yang sama, karya ini juga ada kalanya digunakan sebagai sumber bagi membincangkan aspek-aspek linguistik bahasa Banjar seperti fonologi dan morfologinya. Berkenaan dengan sistem modaliti pula, kajian-kajian banyak dilakukan terhadap bahasa Inggeris dan juga bahasa Melayu, serta meliputi pelbagai jenis wacana. Walau bagaimanapun, kajian mengenai sistem modaliti dalam karya bahasa Banjar dilihat masih lagi kurang dilakukan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menghasilkan satu analisis berkaitan sistem modaliti bahasa Banjar dengan menjadikan cerpen sebagai bahan kajian utama.

## METODOLOGI KAJIAN

Seksyen ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membahaskan proses pengumpulan data bagi kajian ini. Bahagian berikutnya pula membincangkan pendekatan yang bakal diguna pakai dalam menganalisis data kajian ini.


### PENGUMPULAN DATA

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu satu pendekatan sistematik menekankan pengumpulan dan analisis data yang dapat dihitung untuk memahami pola, hubungan, dan generalisasi (Creswell, 2014). Tumpuan kajian melibatkan kaedah analisis teks, iaitu penyelidikan secara langsung terhadap teks kajian. Bagi tujuan ini, sebuah korpus yang dinamakan sebagai *Si Palui* telah dibina dan dianalisis. Korpus merujuk kepada himpunan wacana bahasa yang berlaku secara semula jadi dan disimpan secara elektronik (Bennett, 2010:2). Korpus *Si Palui* ini memuatkan ratusan cerpen pendek yang ditulis dalam BB dan jumlah perkataannya pula melebihi satu juta. Pengaplikasian pendekatan korpus linguistik dalam kajian ini bersesuaian dengan persoalan yang ingin diselesaikan. Menurut Bennett (2012), pendekatan korpus linguistik dapat menjawab dua persoalan utama: (1) apakah pola tertentu yang dapat dikaitkan dengan leksikal atau nahu sesuatu bahasa?, dan (2) bagaimanakah pola-pola ini dibezakan dari aspek variasi dan laras penggunaannya?

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk melihat pola penggunaan modaliti dalam cerpen *Si Palui* ini. Modaliti dalam sesuatu bahasa itu dapat ditentukan melalui penggunaan kata kerja modal serta adverba. Justeru, beberapa jenis kata kerja modal serta adverba bahasa Banjar telah dikenal pasti bagi tujuan kajian ini. Satu perisian yang dinamakan sebagai *AntConc* telah diguna pakai dalam kajian ini bagi membantu proses pengkategorian data. *AntConc* merupakan satu perisian pelbagai platform percuma dan alat analisis korpus serba guna yang direka khas untuk

kegunaan di dalam bilik darjah (Anthony, 2004). Dengan memasukkan kata kerja modal atau adverba sebagai kata kunci, satu senarai konkordans dijana oleh perisian ini. Bilangan *concordance hits* diambil kira bagi melihat kekerapan penggunaan setiap ekspresi modal dalam korpus ini. Setelah pengkategorian data selesai, penganalisan data kemudiannya dilakukan dengan menggunakan pendekatan nahu fungsional (Halliday, 1994). Carta alir berikut menunjukkan bagaimana proses penganalisan data bagi kajian ini dilakukan:

RAJAH 1. Proses Penganalisan Data



#### KERANGKA TEORI

Kajian ini memilih nahu fungsional (*functional grammar*) atau nahu wacana fungsional (*functional discourse grammar*) yang merupakan satu bentuk kerangka teori yang menjelaskan bagaimana ujaran linguistik terbentuk berdasarkan sasaran dan pengetahuan seseorang penutur natif bahasa tersebut. Bloor & Bloor (1995) merumuskan bahawa nahu fungsional tertumpu pada aspek semantik (makna) dan fungsi (bagaimana bahasa digunakan). Teori ini jelas bertentangan dengan nahu transformasi yang diperkenalkan oleh Chomsky pada tahun 1957. Berbeza dengan nahu fungsional, nahu transformasi lebih bertumpu kepada struktur-struktur tertentu seperti bagaimana sesuatu ayat itu berkait dengan yang lain. Unit utama yang dikaji melalui teori ini adalah wacana dan bukannya ayat ataupun klausa.

Melalui pendekatan nahu fungsional, makna pada dasarnya memiliki persamaan dengan fungsi. Perbahasaan bahasa melalui perspektif ini dilihat kurang diaplikasikan jika dibandingkan dengan perbahasaan dari segi struktur bahasa tersebut. Bagi mengenal pasti pola-pola yang dapat digeneralisasikan, persoalan tentang untuk apa manusia menggunakan bahasa perlu dijawab terlebih dahulu. Bagi menjawab persoalan ini, Halliday (1994) telah mengemukakan tiga metafungsi bahasa, iaitu:

1. Kita menggunakan bahasa untuk menceritakan pengalaman kita tentang dunia termasuklah dunia yang berada di dalam fikiran, menjelaskan mengenai sesuatu keadaan, suasana serta entiti yang terlibat di dalamnya.
2. Bahasa juga digunakan untuk berinteraksi dengan individu yang lain, untuk mewujudkan serta menjaga hubungan, mempengaruhi sikap, menahirkan pandangan mengenai sesuatu perkara, serta mengubah pandangan seseorang.
3. Dengan menggunakan bahasa, kita menyusun atur mesej dengan cara yang menunjukkan bagaimana mesej tersebut bersesuaian dengan mesej yang lain dan dalam konteks yang lebih luas sama ada melalui lisan atau penulisan.

Berdasarkan ketiga-tiga fungsi bahasa ini, maka terhasillah tiga metafungsi utama dalam fungsi nahuan iaitu ideasional (penggunaan bahasa untuk menceritakan mengenai dunia), interpersonal (penggunaan bahasa untuk berinteraksi dengan yang lain), serta tekstual (menyusun atur bahasa bersesuaian dengan konteks).

#### METAFUNGSI INTERPERSONAL: SISTEM MODALITI

Melalui nahu fungsional ini, fungsi interpersonal dihuraikan sebagai mana-mana fungsi yang menyebabkan manusia berinteraksi antara satu sama lain dengan menggunakan bahasa. Bahasa disusun atur bagi menyatakan suatu suasana interaksi yang melibatkan penutur/ penulis dan pendengar (Halliday, 2000). Secara khususnya, fungsi interpersonal tidak hanya mengenal pasti penutur tetapi turut menyatakan sikap, motivasi dan lain-lain lagi. Melalui metafungsi ini, kumpulan sosial dibahagi-bahagikan bagi membezakan satu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Selain itu, seseorang individu itu juga dapat meluahkan serta mengenal diri masing-masing serta mengukuhkan hubungan dengan yang lain. Salah satu sistem yang berada di bawah metafungsi ini adalah modaliti.

Istilah 'modaliti' telah digunakan untuk merujuk kepada sejumlah besar perkara yang kelihatannya berbeza dalam literatur linguistik dan logik (Kiefer, 2009:67). Ada kalanya, sistem modaliti terhad bagi mengungkapkan sesuatu kemungkinan dan keinginan, dalam kes lainnya pula, ia digunakan untuk mengungkapkan atitud penutur dalam sesuatu ekspresi itu (ibid.). Menurut Martirosyan (2022:99), modaliti merupakan satu aspek yang tidak dapat dipisahkan dalam bidang linguistik dan walaupun terdapat banyak artikel serta kajian mengenainya, sering kali terdapat teori yang bertentangan terutama sekali dalam membahaskan mengenai jenis modaliti. Jenis modaliti ini juga pernah dibincangkan oleh beberapa ahli linguistik terkemuka seperti Palmer (2001), Van der Auwera (2009), Abraham (2008), Hoye (2014), Nuyts (2001) dan Linden (2012).


Dalam nahu tradisional, terdapat tiga jenis modaliti iaitu, modaliti dinamik (*dynamic modality*), modaliti deontik (*deontic modality*) dan modaliti epistemik (*epistemic modality*) (Linden, 2012). Modaliti dinamik terbentuk dari perkataan Greek '*dynamos*' yang bermaksud kekuatan, yang mengungkapkan kekuatan atau kebolehan subjek itu terhadap sesuatu klausa

(Linden, 2012). Dalam erti kata lainnya, modaliti ini bertujuan untuk menggambarkan keinginan atau kebolehan seseorang itu untuk melakukan sesuatu dalam ayat atau ujaran. Modaliti deontik, menurut Lyons (1977) pula merupakan sejenis modaliti yang mengungkapkan keperluan atau kebarangkalian sesuatu perbuatan itu dilakukan oleh agen. Modaliti epistemik pula merujuk kepada pengetahuan dan kepercayaan, ungkapan yang lebih merujuk kepada pandangan dan bukannya fakta. Modaliti jenis ini mengungkapkan pandangan penutur terhadap semua yang diketahuinya (Niiniluoto, 2004).

Berbeza dengan nahu tradisional, nahu fungsional yang diperkenalkan oleh Halliday (1994) menganggap sistem modaliti sebagai satu perwakilan fungsi interpersonal bagi sesuatu bahasa. Dua jenis modaliti yang diperkenalkan iaitu modalisasi dan modulasi dan setiap satunya mempunyai subjenisnya tersendiri (kemungkinan dan kelaziman/ kemestian dan keinginan) dan setiap satunya dapat dikenal pasti melalui ungkapan nahu bahasa berbeza seperti kata kerja bantu, adjung, adverb, adjektif dan sebagainya (Halliday, 1994:363). Terdapat sedikit persamaan definisi modaliti antara nahu tradisional dengan nahu fungsional. Menurut Halliday (1994:363), secara semantik, modalisasi merupakan epistemik manakala modulasi pula dirujuk sebagai deontik. Kajian ini bakal mengetengahkan definisi modaliti yang diketengahkan dalam nahu fungsional. Subseksyen berikut membahaskan dengan lebih lanjut berkenaan sistem modaliti menurut pendekatan nahu fungsional ini.

#### MODALITI DAN POLARITI

Definisi *modaliti* sering kali dikaitkan dengan polariti. Menurut Halliday (1985), modaliti merupakan satu bidang makna yang terletak di antara polariti positif dan negatif, atau secara amnya merujuk kepada perantaraan makna antara ya dan tidak. Polariti pula merujuk kepada pilihan yang dibuat antara positif dan negatif (seperti *is/isn't* dan *do/don't* dalam bahasa Inggeris) (Halliday, 1994). Dari perspektif komunikasi lisan, terutama sekali dalam ayat proposisi (ayat yang berkemampuan untuk menjadi betul atau salah), apa yang dinyatakan oleh kedua-dua belah pihak, penutur dan pendengar adalah maklumat. Justeru, makna polariti positif dan polariti negatif adalah bersamaan dengan penegasan dan penafian. Di antara penegasan dan penafian, seseorang penutur boleh menyatakan pertimbangannya setakat mana maklumat tersebut menunjukkan kebenaran ataupun kepalsuan. Rajah 2 di bawah memaparkan jenis-jenis modaliti berdasarkan Nahu Fungsional:



RAJAH 2. Jenis Modaliti

Menurut Halliday (1985), sekiranya pertukaran modaliti di dalam sesuatu klausa itu merupakan maklumat (pernyataan dan soalan), klausa tersebut dikenali sebagai proposisi. Sekiranya pertukaran modaliti berupa barangan atau perkhidmatan (tawaran dan perintah), klausa tersebut dikenali sebagai proposal. Berdasarkan perbezaan di antara proposisi dan proposal, Halliday telah mengkategorikan dua jenis modaliti utama iaitu, modalisasi dan modulasi. Modaliti yang melibatkan kemungkinan dan kelaziman sesuatu maklumat dikenali sebagai modalisasi. Sebaliknya, modaliti yang melibatkan kemestian dan kecenderungan sahnya sesuatu maklumat dikenali sebagai modulasi.

Kedua-dua, modalisasi dan modulasi, setiap satunya juga dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Modalisasi dapat dibahagikan kepada kemungkinan dan kelaziman. Kemungkinan merujuk kepada sejauh mana kebenaran sesuatu maklumat yang dikongsi itu. Darjah kemungkinan ini boleh diwakili dalam bentuk adverba atau kata kerja modal. Misalnya, dalam bahasa Melayu, kata kerja seperti *tentu*, *pasti*, dan *yakin* dapat mengungkapkan darjah kemungkinan sesuatu ayat itu. Kelaziman pula merujuk kepada berapa kerap kebenaran sesuatu maklumat yang dikongsi itu dan turut diwakili dalam bentuk adverba atau kata kerja modal seperti *selalu*, *sering*, *biasanya* dalam bahasa Melayu. Modulasi pula dibahagikan kepada dua iaitu, kemestian dan keinginan. Kemestian merangkumi tanggungjawab atau tekanan yang diletakkan pada penerima untuk memenuhi permintaan pemberi. Darjah kemestian ini dipaparkan dalam bentuk perkataan seperti *perlu*, *akan*, *mesti*. Keinginan pula merujuk kepada kesediaan penutur untuk memenuhi sesuatu permintaan itu dan biasanya diwakili oleh perkataan seperti *ingin*, *mahu*, *hendak*.

#### DARJAH KEBENARAN DALAM MODALITI

Modaliti juga dapat diklasifikasikan kepada tiga jenis darjah kebenaran, iaitu tinggi, medium dan rendah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Secara amnya, kesemua ekspresi modal mampu untuk memberi makna yang berbeza berdasarkan darjah kebenaran dalam modaliti. Jadual 2 pula menunjukkan nilai operator modal finit yang wujud dalam bahasa Inggeris.

JADUAL 1. Darjah Kebenaran dalam Modaliti (Halliday, 2000:358)

	<b>Kemungkinan</b>	<b>Kelaziman</b>	<b>Kemestian</b>	<b>Keinginan</b>
<b>Tinggi</b>	<i>certain</i>	<i>always</i>	<i>required</i>	<i>determined</i>
<b>Median</b>	<i>probable</i>	<i>usually</i>	<i>supposed</i>	<i>keen</i>
<b>Rendah</b>	<i>possible</i>	<i>sometimes</i>	<i>allowed</i>	<i>willing</i>


JADUAL 2. Nilai Operator Modal Finit berdasarkan Halliday (Halliday, 2000:358)

	<b>Tinggi</b>	<b>Median</b>	<b>Rendah</b>
<b>Positif</b>	<i>must, ought to, need, has/had to</i>	<i>will, would, should, is/was to</i>	<i>can, may, could, might (dare)</i>
<b>Negatif</b>	<i>needn't, doesn't need to, doesn't have to</i>	<i>won't, wouldn't, shouldn't, isn't/ wasn't</i>	<i>mustn't, oughtn't to, coundn't, may not, mightn't, hasn't/ hadn't to</i>



## HASIL KAJIAN

Hasil penelitian mendapati bahawa keempat-empat jenis modaliti telah diguna pakai oleh para penulis dalam koleksi cerpen bahasa Banjar ini. Para penulis banyak mengguna pakai modaliti jenis kemungkinan (791) dan keinginan (763) manakala modaliti jenis kelaziman (220) dan kemestian (228) pula merupakan yang paling kurang digunakan. Rajah 3 di bawah memaparkan jumlah leksikal bagi setiap jenis modaliti.



RAJAH 3. Peratus Kekekapan Modaliti

Setiap modaliti ini ditandai dengan ekspresi modal yang berbeza. Berikut dibincangkan mengenai setiap jenis modaliti yang ditemui dalam koleksi cerpen ini.

### KEMUNGKINAN (MODALISASI)

Menurut Halliday (1985), seseorang penutur atau pembaca itu akan menggunakan sama ada pernyataan dan soalan (proposisi), barang atau perkhidmatan, atau tawaran dan perintah (proposal). Proposisi pula merangkumi dua skala kebarangkalian, iaitu kemungkinan dan kelaziman. Jadual 4 di bawah memperlihatkan senarai ekspresi modal yang melambangkan modaliti kemungkinan dalam cerpen *Si Palui* ini:

JADUAL 4. Ekspresi Modal bagi Modalisasi Jenis Kemungkinan

Jenis Modaliti	Ekspresi Modal		
<b>Kemungkinan (Modalisasi)</b>	<i>kawa (208)</i>	<i>bisa (155)</i>	<i>dasar (107)</i>
	<i>kada kawa (130)</i>	<i>kada bisa (22)</i>	<i>pasti (166)</i>
	<i>kada pasti (3)</i>		

Modalisasi jenis kemungkinan banyak ditandai dengan ekspresi modal *kawa*. Menurut Kamus Bahasa Banjar Dialek Hulu-Indonesia (Sugono, 2008), leksikal *kawa* dalam bahasa Melayu atau Indonesianya dapat diterjemahkan kepada ‘dapat’ atau ‘boleh’. Contoh penggunaan ekspresi modal ini bagi memaparkan modalisasi jenis kemungkinan dapat dilihat dalam contoh (1) di bawah:

- (1) “*Ikam itu mustinya batakun lawan kawal kita Si Palui. Supaya **kawa** bagawi siang malam kada saling uyuhan, kada panggaringan,*” ujar Garbus mambari saran.  
“Kamu mesti bertanya kepada kawan kita Si Palui. Supaya dapat bekerja siang malam tanpa merasa penat, tanpa ada sakit,” Garbus berkata memberi saranan.

Wacana (1) di atas memperlihatkan bagaimana watak Garbus memberi saranan kepada rakannya. Menurutnya, rakannya boleh bekerja siang malam tanpa merasa penat dan sakit sekiranya dia berjumpa dengan Si Palui. Modalisasi jenis kemungkinan ini juga dapat ditandai dengan ekspresi modal *bisa* seperti dalam petikan (2) di bawah:

- (2) “*Maksudku kunci sapida muturnya diganti lawan kunci sapida mutur hanyar, pasti tukcer, **bisa** langsung hidup,*” ujar Palui tatawa mangalahakan kakawalannya.  
“Maksudku, kunci motor itu digantikan dengan kunci motor baharu, pasti elok, boleh terus dihidupkan,” Palui berkata sambil tertawa kepada rakan-rakannya.

Leksikal *bisa* ini juga wujud dalam bahasa Indonesia dan dapat diterjemahkan kepada ‘boleh’ dalam bahasa Melayu. Wacana (2) di atas memperlihatkan bagaimana watak Si Palui memberitahu rakan-rakannya bahawa motosikal itu boleh dihidupkan sekiranya kuncinya digantikan. Selain *bisa*, leksikal *dasar* juga merupakan salah satu ekspresi modal yang menggambarkan modalisasi jenis kemungkinan ini. *Dasar* membawa maksud ‘memang’ yang menunjukkan kemungkinan untuk sesuatu proposisi itu untuk menjadi benar adalah tinggi. Contoh penggunaan ekspresi modal ini dapat dilihat seperti di bawah:

- (3) “*Alhamdulillah, bujur jua pambarian Garbus itu **dasar** manggulak,*” ujar Palui dalam hati.  
“Alhamdulillah, benar juga pemberian Garbus itu memang menggoncang,” Palui berkata dalam hati.

Wacana (3) menggambarkan bagaimana hadiah pemberian watak Garbus kepada Si Palui memang menggoncang. Modalisasi jenis kemungkinan ini juga dapat ditandai dengan ekspresi modal *pasti*. Sama seperti leksikal *dasar*, darjah kebenaran bagi *pasti* juga adalah tinggi. Hal ini bermakna bahawa kebenaran bagi sesuatu proposisi itu adalah tinggi sekiranya leksikal ini diguna pakai dalam wacana. Contoh dapat dilihat seperti dalam wacana (4) di bawah:

- (4) “*Kukira **pasti** ada alasan lainnya,*” ujar Garbus.  
“Aku rasa pasti ada alasan lainnya,” Garbus berkata.

Wacana di atas memperlihatkan keyakinan watak Garbus terhadap kewujudan alasan lain pada rakannya. Modalisasi jenis kemungkinan ini juga boleh menyebabkan pilihan yang positif atau negatif. Sebelum ini, leksikal-leksikal seperti *kawa*, *bisa*, *dasar* dan *pasti* membawa kepada pilihan positif. Dalam erti kata lain, makna yang didukung oleh ekspresi-ekspresi modal ini bersamaan dengan penegasan. Walau bagaimanapun, sekiranya kata nafi mendahului ekspresi-

ekspresi modal ini, maka polaritinya juga akan berubah menjadi pilihan negatif. Kata nafi merupakan sejenis kata yang digunakan untuk menidak atau meniadakan sesuatu (Asmah, 2015:180). Kehadiran ekspresi-ekspresi modal seperti yang disenaraikan di bawah ini membawa makna penafian terhadap sesuatu proposisi itu:

- (5) “Kuta kita ini halus jadi **kada kawa** bakaramput, tiap masuk ka warung sakadup puluhan mata nang melihatnya,” ujar Palui.  
 “Kota kita ini kecil jadi tidak dapat berbohong, setiap kali masuk ke yang bertutup kain rentang itu, beribu mata yang melihatnya,” Palui berkata.
- (6) “Tapi nang maulah Palui rancak **kada kataguran** adalah anaknya nang pahalusnya, urangnya gagah banar, **kada bisa** baranai.”  
 “Tetapi yang menyebabkan Palui tidak mahu menegur adalah kerana anak kecilnya itu orangnya sangat gagah, tidak boleh duduk diam.
- (7) “Tadi Tulamak mamander bahwa di bidang pulitik itu nang pasti bisa **kada jadi** dan sebaliknya nang **kada pasti** bisa jadi.”  
 “Sebentar tadi Tulamak berkata bahawa dalam bidang politik itu yang pasti boleh tidak jadi dan yang tidak pasti boleh menjadi.”

Kata nafi bahasa Banjar seperti *kada* akan membawa makna penafian. Antara contoh ekspresi modal yang membawa makna penafian termasuklah *kada kawa*, *kada bisa*, dan *kada pasti*. Jadual 5 di bawah merupakan ringkasan yang memaparkan darjah kebenaran serta polariti bagi setiap ekspresi modal yang menggambarkan modalisasi jenis kemungkinan ini:

JADUAL 5. Nilai Operator Modal Finit Modalisasi Jenis Kemungkinan

	Tinggi	Median	Rendah
<b>Positif</b>	<i>dasar, pasti</i>		<i>kawa, bisa</i>
<b>Negatif</b>	<i>kada pasti</i>		<i>kada kawa, kada bisa</i>

#### KELAZIMAN (MODALISASI)

Kelaziman juga merupakan subjenis modalisasi. Asmah (2015) di dalam buku beliau bertajuk *Nahu Melayu Mutakhir* telah membicarakan berkenaan dengan kewujudan modaliti dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, beliau tidak pula menyentuh mengenai modaliti jenis ini sebaliknya lebih banyak menyentuh mengenai modaliti jenis kemungkinan, kemestian dan keinginan. Hakikatnya, modaliti jenis ini wujud dalam kedua-dua bahasa sama ada bahasa Melayu mahupun bahasa Banjar. Dalam bahasa Banjar, kehadiran modalisasi jenis kelaziman ini dapat dikenal pasti melalui penggunaan beberapa ekspresi modal seperti yang disenaraikan di bawah:

JADUAL 6. Ekspresi Modal bagi Modalisasi Jenis Kelaziman

Jenis Modaliti	Ekspresi Modal		
<b>Kelaziman (Modalisasi)</b>	<i>rancak (89)</i>	<i>kada rancak (1)</i>	<i>biasa (52)</i>
	<i>biasanya (50)</i>	<i>kabiasaannya (3)</i>	<i>kada biasa (19)</i>
	<i>kada biasanya (4)</i>	<i>salalu (2)</i>	

Ekspresi modal yang paling banyak diguna pakai bagi menggambarkan modalisasi jenis kelaziman dalam himpunan cerpen *Si Palui* ini adalah leksikal *rancak* yang dapat disamakan dengan leksikal *sering* dalam bahasa Melayu. Contoh penggunaan leksikal *rancak* ini dapat dilihat seperti di bawah:

- (8) “*Tapi kenapa maka ikam tahu aku **rancak** masuk ka warung sakadup?*” balas Garbus.  
“Tapi kenapa kamu tahu aku sering masuk ke warung yang bertutup kain rentang itu?”  
Garbus membalas.

Wacana (8) di atas memperlihatkan kelaziman watak cerpen ini untuk berada di sebuah warung tertutup. Sama seperti sebelum ini, modalisasi jenis kelaziman ini juga boleh membawa makna negatif sekiranya didahului dengan kata nafi. Penggunaan leksikal *kada* dengan *rancak* akan membawa makna yang negatif seperti mana yang ditunjukkan di bawah:

- (9) “*Tapi, biar **kada rancak** lagi bamasakan, buhannya masih tatap haja bakawal, napa mun rumahnya basubarangan haja pang.*”  
“Tetapi walaupun tidak sering lagi bamasakan, mereka masih tetap sahaja berkawal, apatah lagi kalau rumahnya berseberangan antara satu sama lain.”

Wacana (9) di atas memaparkan bagaimana watak-watak cerpen masih meneruskan tugas mengawal mereka walaupun tidak sering menyediakan masakan ketika menjalankan tugas. Modalisasi jenis kelaziman ini juga dapat ditandai dengan leksikal *biasa* yang membawa maksud selalu. Contoh penggunaan leksikal ini dapat dilihat seperti berikut:

- (10) “***Biasa** jua aku diusir sidin supaya bulik ka rumah abahku karna sidin sarik banar,*” ujar Palui.  
“Selalu juga aku diusir olehnya agar balik ke rumah ayahku kerana beliau sangat marah,”  
Palui berkata.

Wacana (10) memperlihatkan bagaimana watak utama yang bernama Palui sering diusir balik ke rumah bapanya oleh seseorang. Leksikal *biasa* ini juga dapat wujud dalam variasi yang pelbagai tetapi masih lagi memperlihatkan sistem modalisasi jenis kelaziman. Antara variasi bentuk morfologi leksikal ini termasuklah *biasanya* dan *kabiasaannya*. Contoh penggunaan bagi kedua-dua leksikal ini adalah seperti berikut:

- (11) “***Biasanya** ada haja inya di gardu atawa di warung acil Isul.*”  
“Selalunya ada sahaja dia di pondok jaga atau di warung acil Isul.”
- (12) “*Parnah karna **kabiasaannya** itu inya kapuhunan saurang, burungnya bangkak diigut panyangat.*”  
“Pernah kerana kebiasaannya dia berada di pohon keseorangan, burungnya bengkok digigit tebuan.”

Ekspresi-ekspresi modal ini juga dapat membawa makna negatif sekiranya didahului dengan kata nafi *kada*. Contoh penggunaan leksikal-leksikal yang membawa makna negatif ini dapat dilihat dalam petikan (13) dan (14) di bawah:

(13) “**Kada biasa** aku kakanyangan kaya ini, parut rasa gambung banar karna cucuk masakannya ditambah pulang sambal acannya nang padas manyalingit,” ujar Palui.  
 “Tidak selalu aku berasa kenyang seperti ini, perut rasa sangat kembung kerana masakannya sesuai ditambah pula sambal belacannya yang sangat pedas,” Palui berkata.

(14) “Ada apa nih Lui, **kada biasanya** bailang baimbaian batiga.”

“Ada apakah ini Lui, tidak selalunya kamu bertiga datang melawat bersama-sama.”

Seterusnya, modalisasi jenis kelaziman ini juga dapat ditandai dengan ekspresi modal *salalu*. Ekspresi modal *salalu* memperlihatkan bahawa kelaziman untuk sesuatu prosisi itu berlaku adalah tinggi. Darjah kebenaran bagi *salalu* ini adalah sama seperti *rancak* di mana kedua-duanya memiliki darjah yang tinggi berbanding ekspresi-ekspresi modal yang lainnya.

(15) “Kelima, suapan antara patinggi lawan patinggi, nang **salalu** diiringi wan bisik-bisikan, wan Senyum-senyum, sidin-sidin haja nang mangarti.”

“Kelima, suapan di antara patinggi dan patinggi, yang selalu diiringi dengan bisik-bisikan dan senyum-senyum, mereka-mereka sahaja yang mengerti.

Kesemua ekspresi modal yang memperlihatkan modalisasi jenis kelaziman ini juga dapat dikategorikan berdasarkan darjah kebenaran serta polariti yang berlainan. Jadual 7 merupakan satu ringkasan bagi pengkategorian kesemua ekspresi modal ini:

JADUAL 7. Nilai Operator Modal Finit Modalisasi Jenis Kelaziman

	<b>Tinggi</b>	<b>Median</b>	<b>Rendah</b>
<b>Positif</b>	<i>rancak, salalu</i>	<i>biasa, biasanya, kabiasaannya</i>	
<b>Negatif</b>	<i>kada rancak</i>	<i>kada biasa, kada biasanya</i>	

#### KEMESTIAN (MODULASI)

Modulasi merupakan subjenis modaliti di bawahnya terdapat dua jenis modaliti, iaitu keinginan dan kemestian. Modaliti jenis kemestian digunakan untuk menggambarkan kemestian sesuatu maklumat itu untuk menjadi sah. Jadual 8 merupakan satu senarai ekspresi modal yang memperlihatkan modulasi jenis kemestian yang ditemui dalam koleksi cerpen *Si Palui*:

JADUAL 8. Modal bagi Modulasi Jenis Kemestian

<b>Jenis Modaliti</b>	<b>Ekspresi Modal</b>		
<b>Kemestian (Modalisasi)</b>	<i>akan (18)</i>	<i>harus (92)</i>	<i>musti (19)</i>
	<i>kana (35)</i>	<i>harusnya (1)</i>	<i>kada parlu (12)</i>
	<i>saharusnya (1)</i>	<i>mustinya (15)</i>	<i>parlu (31)</i>
	<i>kada kana (1)</i>	<i>wajib (3)</i>	

Dari sudut darjah kebenarannya, ekspresi modal *musti*, *parlu* dan *wajib* memiliki darjah kebenaran yang tinggi. Contoh penggunaan ekspresi-ekspresi modal ini dapat dilihat seperti di bawah:

(16) “**Musti** ada nang mamadahakan,” ujar Garbus.

“Mesti ada yang memberitahu kamu,” Garbus berkata.

(17) “Kukira **parlu** ada tambahan pabrik hanyar dua atawa talu ikung,” ujar Palui lihum sambil manyirit bininya.

“Aku rasa perlu ada tambahan pabrik baru dua atau tiga helai,” Palui senyum berkata sambil menjeling isterinya.

(18) “Itu olahraga **wajib** Bus ai.”

“Olah raga itu wajib Bus ai.”

Terdapat variasi pemakaian bagi ekspresi modal *musti* di mana leksikal ini diikuti dengan imbuhan akhiran *nya*, membentuk ekspresi modal *mustinya*. Contoh penggunaannya dapat dilihat seperti wacana (19) di bawah:

(19) “**Mustinya** akulah nang badahulu karna aku sudah biasa tarasani sadangkan ikam balum tahu napa-napa,” ujar mamarinanya.

“Mestinya akulah yang pergi terlebih dahulu kerana aku sudah biasa merasanya sedangkan kamu belum tahu apa-apa,” saudaranya berkata.

Dua ekspresi modal yang memiliki darjah kebenaran median telah dikenal pasti iaitu *akan* dan *kana*. Kehadiran kedua-dua ekspresi modal ini dalam wacana memperlihatkan modulasi jenis kemestian. Contoh penggunaan kedua-duanya dapat dilihat seperti di bawah:

(20) “Sarang burung walet ini **akan** kami sita, karna kada punya izin dari pemerintah wan **akan** kami panggil pemiliknya Om Kacung!” tambah petugas garigitan banar wan Om Kacung.

“Sarang burung walid ini kami akan sita kerana tidak memiliki keizinan daripada pemerintah dan kami akan panggil pemiliknya Om Kacung!” tambah petugas sangat teruja dengan Om Kacung.

(21) “Pas ronda tadi, Palui, Garbus wan Tulamak **kana** giliran jaga baimbai.”

“Setelah meronda tadi, Palui, Garbus dan Tulamak kena giliran jaga bersama.”

Polariti bagi ekspresi modal yang menggambarkan modulasi jenis kemestian ini boleh berubah sekiranya diikuti dengan kata nafi *kada*. Dua ekspresi modal bernilai negatif telah dikenal pasti berdasarkan cerpen, iaitu *kada parlu* dan *kada kana*.

(22) “Pangalamanku, justru gawian itu **kada parlu** ahli banar tapi saraba bisa biarpun cuma sadikit-sadikit,” ujar Palui.

“Dari pengalamanku, justeru pekerjaan itu tidak memerlukan ahli sangat tetapi serba boleh biarpun sedikit ahlinya,” Palui berkata.

(23) “Inya **kada kana** Bu ai?” jar Garbus maarit lihum.

“Dia tidak kena Bu ai?” Garbus berkata sambil tersenyum berhati-hati.

Dari aspek darjah kebenarannya pula, *kada parlu* memiliki darjah kebenaran yang tinggi manakala darjah kebenaran *kada kana* pula adalah median. Jadual 9 di bawah merupakan

ringkasan bagi pengkategorian kesemua ekspresi modal berdasarkan darjah kebenaran dan polaritinya:

JADUAL 9. Nilai Operator Modal Finit Modulasi Jenis Kemestian

	<b>Tinggi</b>	<b>Median</b>	<b>Rendah</b>
<b>Positif</b>	<i>musti, mustinya, parlu, wajib</i>	<i>akan, kana</i>	<i>harus, harusnya, saharusnya</i>
<b>Negatif</b>	<i>kada parlu</i>	<i>kada kana</i>	

#### KEINGINAN (MODULASI)

Modaliti terakhir yang bakal dibincangkan adalah modulasi jenis keinginan. Modaliti jenis ini menggambarkan kecenderungan sesuatu maklumat itu untuk menjadi maklumat yang sah. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat empat ekspresi modal yang diguna pakai oleh penulis untuk menggambarkan modalisasi jenis ini seperti yang disenaraikan di bawah:

JADUAL 10. Ekspresi Modal bagi Modulasi Jenis Keinginan

<b>Jenis Modaliti</b>	<b>Ekspresi Modal</b>		
<b>Keinginan (Modulasi)</b>	<i>hakun (57)</i> <i>kada hakun (53)</i>	<i>handak (621)</i>	<i>kada handak (32)</i>

Ekspresi modal *hakun* memiliki darjah kebenaran yang median. Leksikal *hakun*, dalam bahasa Melayunya dapat diterjemahkan kepada ‘mahu’. Penggunaan ekspresi modal ini dapat dilihat seperti dalam wacana (24) di bawah:

- (24) “*Makanya kami syukur ikam bulik ka banua **hakun** balajar mangaji dan mandarasi kajian sambahyang.*”  
 “Makanya kamu bersyukur kamu balik ke kampung halaman mahu belajar mengaji dan solat.”

Wacana (24) memperlihatkan keinginan watak cerpen untuk pulang ke kampung halamannya bagi mendalami ilmu agama. Ekspresi modal *hakun* ini memiliki polariti positif. Walau bagaimanapun, polaritinya akan berubah sekiranya didahului dengan kata nafi *kada* seperti yang ditunjukkan di bawah:

- (25) “*Pasalnya karna sidin **kada hakun** diuruti wan minyak lemak nang kuambil matan rinjing itu.*”  
 Hal ini kerana dia tidak mahu diurut dengan minyak lemak yang aku ambil dari periuk itu.”

Berbeza dengan wacana (24), wacana (25) memperlihatkan ketidakinginan watak cerpen untuk diurut badannya dengan minyak lemak. Polariti bagi kedua-dua wacana ini adalah berbeza di mana wacana (24) memiliki polariti positif manakala (25) memiliki polariti negatif. Seterusnya, terdapat juga ekspresi modal dengan darjah kebenaran tinggi yang dijumpai dalam koleksi cerpen ini. Modulasi jenis keinginan dapat ditandai dengan ekspresi modal *handak* yang diterjemahkan kepada ‘hendak’ dalam bahasa Melayu. Contoh penggunaannya dapat dilihat seperti di bawah:

- (26) “Aku **handak** melihat watak dan kalakuannya bila sudah mulai ganal kaina,” ujar Palui. “Aku hendak melihat perwatakan dan kelakuannya bila sudah mulai dewasa nanti,” Palui berkata.

Sama seperti sebelumnya, polariti bagi ekspresi modal ini juga dapat berubah sekiranya didahului dengan kata nafi *kada* bagi membentuk ekspresi modal *kada handak*. Contoh penggunaannya dapat dilihat seperti di bawah:

- (27) “Sabujurnya aku **kada handak** jua Lui ai, tapi *kada nyaman-nyaman hidup bahuma Lui ai, apalagi kaluarga basar kaya aku ini,*” ujar Garbus. “Sejujurnya, aku tidak mahu Lui, tetapi hidup menanam padi ini tidak membawa kesenangan Lui, apatah lagi untuk keluarga yang besar seperti aku ini,” Garbus berkata.

Empat ekspresi modal yang memperlihatkan modulasi jenis keinginan telah dikenal pasti berdasarkan data kajian. Jadual 11 di bawah merupakan ringkasan bagi pengkategorian kesemua ekspresi modal berdasarkan darjah kebenaran dan polaritinya:

JADUAL 11. Nilai Operator Modal Finit Modulasi Jenis Keinginan

	<b>Tinggi</b>	<b>Median</b>	<b>Rendah</b>
<b>Positif</b>	<i>handak,</i>	<i>hakun</i>	
<b>Negatif</b>	<i>kata handak</i>	<i>kada hakun</i>	

#### KESAN PENGGUNAAN SISTEM MODALITI DI DALAM CERPEN

Sistem modaliti, seperti mana yang didefinisikan oleh Halliday (2000), merupakan salah satu cara seseorang penulis itu mengungkapkan atitud terhadap kebenaran sesuatu kenyataan, kemungkinan sesuatu kejadian itu terjadi dan juga perasaan penulis terhadap kejadian tersebut. Penggunaan sistem modaliti dalam cerpen *Si Palui* ini telah membangkitkan lagi watak-watak yang ada di dalamnya. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan Palmer (2001) yang mengatakan bahawa sistem modaliti amat penting dalam memahami perspektif sesuatu wacana dan juga persepsi setiap watak di dalamnya. Ekspresi-ekspresi modal, seperti mana yang telah dibincangkan sebelum ini, membantu lagi dalam menyampaikan atitud watak dan pendirian pengarang terhadap sesuatu peristiwa itu. Misalnya, hasil kajian memperlihatkan bahawa penggunaan modaliti jenis kemungkinan dan keinginan dalam cerpen adalah pada peratusan yang tinggi berbanding kelaziman dan kemestian. Hal ini memperlihatkan bahawa watak-watak dalam cerpen ini lebih cenderung untuk memiliki sifat keraguan serta berkehendak terhadap sesuatu perkara itu.

Penggunaan sistem modaliti juga dapat mencerminkan gaya dan teknik unik seorang penulis itu, yang seterusnya menyumbang pula kepada jalan cerita keseluruhan wacana tersebut (Kress dan van Leeuwen, 2001). Koleksi cerpen *Si Palui* ini merupakan gabungan hasil penulis-penulis yang berbeza tetapi mengguna pakai watak yang serupa. Setiap penulis memiliki gaya dan teknik tersendiri dalam menyampaikan wacana mereka. Selain penggunaan latar yang berbeza, setiap penulis juga memiliki gaya yang berbeza dalam pemakaian sistem modaliti. Walaupun kebanyakan daripada mereka gemar mengguna pakai modaliti jenis kemungkinan dan keinginan, terdapat juga beberapa cerpen yang langsung tidak mengandungi apa-apa modaliti. Penggunaan modaliti di sini bukanlah satu keperluan sebaliknya penulis bebas untuk memilih sama ada untuk menggunakannya atau tidak.



Selain itu, penggunaan sistem modaliti ini dapat meningkatkan lagi keinginan serta motivasi pembaca untuk membaca sesuatu wacana itu. Menurut Schunk (1991), penggunaan modaliti yang pelbagai dapat menjadikan sesuatu wacana itu lebih interaktif dan merangsang pengalaman pembaca, seterusnya meningkatkan lagi motivasi pembaca untuk meneruskan pembacaannya. Penggunaan sistem modaliti dalam koleksi cerpen *Si Palui* ini dilihat mampu untuk menarik minat pembaca, sekali gus meningkatkan lagi pengetahuan masyarakat umum berkenaan BB di Indonesia dan Malaysia.

## KESIMPULAN

Hasil analisis yang dilakukan ke atas koleksi cerpen bahasa Banjar ini memperlihatkan bahawa penggunaan modaliti mempunyai fungsi dan penggunaannya tersendiri. Empat jenis modaliti telah dikesan dalam cerpen iaitu kemungkinan, kelaziman, kemestian serta keinginan. Modalisasi jenis kemungkinan serta modulasi jenis keinginan merupakan dua modaliti yang paling kerap diguna pakai manakala modalisasi jenis kelaziman dan modulasi jenis kemestian pula kurang diguna pakai dalam cerpen ini. Kebiasaannya, kajian-kajian berkenaan modaliti sering bertumpu pada wacana-wacana politik yang memperlihatkan elemen 'kuasa' seseorang itu. Walau bagaimanapun, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan karya sastera bahasa Banjar melalui pengkajian sistem modalitinya. Cerpen-cerpen yang dianalisis ini bukanlah ditulis oleh individu terkemuka tetapi karya ini dilihat memiliki keunikan linguistiknya tersendiri. Hasil kajian ini dapat dijadikan panduan dalam menganalisis wacana-wacana politik bahasa Banjar yang lainnya.

Setiap jenis modaliti ditandai dengan ekspresi-ekspresi modal yang berbeza. Modalisasi jenis kemungkinan ditandai dengan *kawa, bisa, dasar, pasti, kada kawa, kada bisa, kada pasti*, manakala kelaziman pula ditandai dengan *rancak, biasa, biasanya, kabiasaannya, salalu, kada rancak, kada biasa, kada biasanya*. Bagi modulasi pula, kemestian ditandai dengan ekspresi modal *akan, harus, musti, kana, harusnya, saharusnya, mustinya, parlu, wajib, kada kana, kada parlu* manakala keinginan pula ditandai dengan *handak, hakun, kada handak, kada hakun*. Penggunaan sistem modaliti dalam cerpen ini juga dilihat memberi beberapa kesan seperti memaparkan perspektif sesuatu wacana dan juga persepsi setiap watak di dalamnya, mencerminkan gaya dan teknik unik seorang penulis, dan meningkatkan lagi keinginan serta motivasi pembaca untuk membaca cerpen-cerpen ini. Hasil kajian ini diharap dapat mengembangkan lagi ilmu-ilmu berkaitan sistem modaliti khususnya dalam bahasa Banjar di samping memperkenalkan juga karya-karya sastera Banjar kepada khalayak umum.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah ditaja oleh skim Geran Universiti Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk: Pembinaan Repositori Pertuturan (*Speech-Rep*) Bahasa Banjar di Malaysia (GUP-2022-057).

## RUJUKAN

- Abraham, W. 2008. *Modality-aspect interfaces: Implications and typological solutions*. John Benjamins Publishing.
- Akhmad Humaidi, Kamariah & Haswinda Harpriyanti. 2017. Infleksi dalam bahasa Banjar. *Stilistika: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya* 2(2): 265–272.
- Anthony, L. 2004. AntConc: A Learner and Classroom Friendly, Multi-Platform Corpus Analysis Toolkit. *IWLeL 2004: An Interactive Workshop on Language e-Learning*: 7-13.
- Kress, G., & van Leeuwen, T. (2001). *Multimodal Discourse: The Modes and Media of Contemporary Communication*. Arnold.
- Asmah Haji Omar. 2015. *Nahu Melayu Mutahir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bennett, G.R. 2010. *Using Corpora in the Language Learning Classroom: Corpus Linguistics for Teachers*. Michigan: Michigan ELT.
- Bloor, T. & Bloor, M. 1995. *The Functional Analysis of English: a Hallidayan Approach*. London: Edward Arnold.
- Brown, G. & Yule, G. 1983. *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cook, G. 1989. *Discourse*. Oxford: Oxford University Press.
- Creswell, J.W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage Publications.
- Dayang Sariah Abang Suhai, Kesumawati Abu Bakar & Norsimah Mat Awal. (2020). Modaliti dalam Wacana Perbahasan Parlimen. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 20(4): 186-208.
- Halliday, M.A.K. 1985. *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M.A.K. 2000. *An Introduction to Functional Grammar*. Beijing: Foreign Language Teaching and Research Press.
- Harris, Z. 1952. Discourse Analysis. *Language* 28: 1-30.
- Hoye, L. 2014. *Adverbs and Modality in English*. Routledge.
- Idris Aman. 2006. *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juwairiah. 2018. Bentuk, fungsi dan makna reduplikasi pada “Kumpulan Kisdap Banjar Malam Kumpai Batu”. *LOCANA: Jurnal Tugas Akhir Mahasiswa PS PBSI FKIP ULM* 1(1): 42-46.
- Kress, G. & Van Leeuwen, T. 2001. *Multimodal Discourse: The Modes and Media of Contemporary Communication*. London: Arnold Publishers.
- Kiefer, F. 2009. On defining modality. *Folia Linguistica* 21(1): 67-94.
- Linden, A. V. 2012. *Modal adjectives: English deontic and evaluative constructions in diachrony and synchrony*. Berlin: Walter de Gruyter.
- M. Rafiek. 2012. Kearifan lokal dalam Hikayat Raja Banjar. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 30(1): 67-104.
- Mahmud Jauhari Ali. 2017. Mantra Banjar: Bukti orang Banjar mahir bersastra sejak dahulu. *METASASTRA Jurnal Penelitian Sastra* 1(1): 44-51.
- Martirosyan, A. 2022. Types of modality and its inconsistencies. *Bulletin of Eurasia International University* 2: 99-112.
- Mujiburrahman. 2022. Islam, humor, dan kritik: Budaya Banjar dalam kumpulan cerita Si Palui masa orde baru. *Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora* 20(1): 1-24.

- Niiniluoto, I. 2004. Induction. Dlm. *Handbook of Epistemology*, disunting oleh Niiniluoto, I., Sintonen, M. dan Woleński, J. Springer, Dordrecht.
- Nuyts. 2001. *Epistemic Modality, Language, and Conceptualization: A Cognitive-pragmatic Perspective*. John Benjamins Publishing,.
- Palmer, F. 2001. *Mood and Modality*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rohaidah Haron. 2016. *Bahasa dan Identiti: Wacana Mohd Najib Razak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rui, Z. & Liu, J.X. 2018. The study on the interpersonal meanings of modality in micro-blogging English news discourse by the case of “Donald Trump’s Muslim Entry Ban”. *Advances in Language and Literary Studies* 9(2): 110-118.
- Rustam Effendi. 2019. Melihat alam dan falsafah Banjar melalui pantun tradisional Banjar. *Indonesian Journal of Cultural and Community Development* 3: 1-13.
- Shi, W.X. & Li, W.Q. 2020. Analysis of modality system in English advertising slogans. *Scholars International Journal of Linguistics and Literature* 3(10): 273-277.
- Schunk, D. H. 1991. Self-efficacy and academic motivation. *Educational Psychologist* 26(3-4): 207-231.
- Sudarmo. 2016. Fonotaktik bahasa Banjar. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Pembelajarannya* 6(2): 278-297.
- Sugono, H.D. 2008. *Kamus Bahasa Banjar Dialek Hulu-Indonesia*. Banjarmasin: Departemen Pendidikan Nasional, Pusat Bahasa, Balai Bahasa Banjarmasin.
- Van der Auwera, P. (1994). *Modality’s Semantic Map*. Berlin: Walter de Gruyter.

Muhammad Farris Imadi Fuze (Penulis koresponden)  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Selangor  
Emel: [elementfarris@gmail.com](mailto:elementfarris@gmail.com)

Sharifah Raihan Syed Jaafar  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Selangor  
Emel: [s\\_raihan@ukm.edu.my](mailto:s_raihan@ukm.edu.my)

Kartini Abd. Wahab  
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Selangor  
Emel: [kartini@ukm.edu.my](mailto:kartini@ukm.edu.my)

Mohammad Fadzeli Jaafar  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Selangor  
Emel: [fazeli@ukm.edu.my](mailto:fazeli@ukm.edu.my)